



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

**Segamat:** "Saya menjerit sekuat hati sebaik melihat tubuh anak berlumuran darah digigit kera," kata Mirzatul Faize Mohd Ishak, 37, ibu kepada Syed Nur Akif Rizqi Syed Ahmad, 3, yang parah digigit haiwan itu di kedai makan di Lebuhraya Muadzam Shah di sini, Khamis lalu.

Mirzatul yang juga peniaga gerai berkata, anaknya cedera parah di kedua-dua kaki, kepala dan belakang badan berikutan diserang sekumpulan kera dalam kejadian jam 3.30 petang itu.

Menurutnya, sebelum kejadian Syed Nur Akif Rizqi menonton video di telefon bimbitnya dan sebaik melihat anaknya itu berlumuran darah, dia hanya mampu menjerit untuk menghalau haiwan berkenaan.

"Ketika kejadian, saya mengambil makanan di dapur untuk diberikan kepada Syed Nur Akif Rizqi sebelum terdengar dia meraung.

"Saya bergegas menda-

## Budak parah dikokak kera



KESAN luka di kepala dan kaki (gambar kecil) Syed Nur Akif Rizqi yang diserang kera di kedai makan di Lebuhraya Muadzam Shah, Pahang.

patkannya dan mengeluarkan anak dari tempat duduk kanak-kanak, saya panik kerana tubuhnya berlumuran darah," katanya ketika ditemui di Wad Kanak-Kanak

Hospital Segamat di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Muadzam Shah, Pahang, Razali Kassim dan Pengarah



Jabatan Perlindungan Hidup dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang, Rozidan Md Yasin.

Mirzatul berkata, sebaik menyelamatkan Syed Nur Akif Rizqi, dia menjerit sekuat hati untuk meminta bantuan orang awam berhampiran gerainya kerana kera yang ada enggan keluar dari kedainya itu.